


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8

Ubah nasib bumiputera, usah malu contohi Cina



Menyangkup kembali sejarah pengajuran Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB), ia telah dirasmikan buat julung kali oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1965 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Hasinya, sejumlah 70 resolusi diluluskan antaranya cadangan menggantikan nama RIDA (Rural & Industrial Development Authority) kepada Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan perubahan Bank Bumiputera yang modalnya dibayai kerajaan.

Pelaksanaan KEB kedua dirasmikan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1968 pula dipercaya merintis jalan kepada pelaksanaan polisi Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang akhirnya memberi peluang pembangunan usaha-wan bumiputera.

Umum mengetahui UMNO adalah parti pelopor pengajuran kongres itu ber-matlamat mengangkat kedudukan Melayu dan bumiputera dalam arus pembangunan negara pasca merdeka.

Sekjak itu, boleh dikatakan setiap dasar dirangka, dirancang dan dilaksanakan kerajaan adalah bersumberkan kongres ini, di samping mendapat suntikan buah fikiran merentasi resolusi dicapai dalam Perhimpunan Agung UMNO tuhan.

Halikatnya, sejumrah 10 kongres seumpama ini telah di-anjurkan UMNO sejak pasca kemerdekaan.

Lima daripadanya masih menggekalkan nama KEB termasuk KEB 2024, manakala lima lagi menggunakan nama lain seperti Kongres Ekonomi Islam dan Kongres Ekonomi Melayu 2012.

Bagi seorang, pelaksanaan ratusan resolusi baharu serta pengubahan polisi dan dasar yang terlahir daripada hasil per-bincangan KEB, sehingga kini masih belum dapat meningkatkan taraf sosioekonomi bumiputera agar setara dengan kaum lain.

Justeru, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan KEB 2024 dipelopori UMNO bakal menjadi antara agenda penting Kerajaan Madani bagi merombak serta melonjak pembangunan sosioekonomi bumiputera secara menyeluruh, masih ramai skeptikal.

Berikutnya itu, Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Dr Muhammad Asri Mohd Ali berpendangan tiada guna ratusan KEB dianjurkan sekiranya mentaliti golongan bumiputera masih ditakut lama dan sering bergantung harap terhadap bantuan kerajaan.

Ujarnya, sudah tiba masanya pengajar dan peserta KEB tidak lagi memikirkan kaedah lapuk dalam memacu sosio-ekonomi bumiputera seperti berterusan meletakkan kerajaan sebagai tonggak atau institusi utama dalam mengatur pen-struktur semula ekonomi golongan itu.

"Bayangkan program Rancangan

Ubah nasib bumiputera, usah malu contohi Cina

FOTO: GALERI MARA.GOV.MY



Tunku Abdul Rahman (kanan) ketika hadiri KEB kali ke-2 yang berlangsung pada September 1968.



MUHAMMAD ASRI



AZMAN



MA'AMOR

Pembangunan Malaysia (RMK) sudah mencapai angka 12, tetapi nasib bumiputera masih ditakut sama. Birokrat pelaksana dasar kerajaan sekarang pulak kurang semangat nasionalisme sebagai amanah birokrat zaman pentadbiran Tun Abdul Razak.

"Sebalik itu saya berharap pengajar tidak lagi meletakkan agenda KEB ter-tumpu kepada kerajaan sebagai tonggak utama pembangunan," katanya.

"KEB 2024 usah malu untuk men-contohi kemampuan kaum Cina menggesaikan isu pendidikan melalui Dong Zong (Persatuan-Persatuan Lemba-gan Pengurusan Sekolah Cina Malaysia) dan ekonomi menerusi dewan perniagaan kaum itu tanpa bergantung kepada kerajaan," katanya kepada *Sinar Premium* pada Rabu.

Dengan dunia kini dipacu pelbagai ke-jutan pembaharuan ekonomi, Muhammad Asri menegaskan sudah tiba masaanya kaum bumiputera menubuhkan satu institusi yang memacu sendiri pertumbuhan ekonomi Melayu alia pertubuhan Dong Zong atau dewan perniagaan kaum Cina.

Tambahnya, institusi ini kemudiannya disaran bekerjasama dengan kelompok diaspora bumiputera yang bekerja atau berniaga di luar negara bagi memanfaatkan akses jaringan perdagangan antarabangsa dimiliki mereka.

"Dalam konteks ini, kerajaan boleh ber-

tindak sebagai pemudah cara untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan Diaspora Bumiputera di bandar-bandar perdagangan utama di seluruh dunia, sebagaimana dilakukan Korea Selatan dan Jepun.

"Putus kecemerlangan ini penting bagi membolehkan diaspora bumiputera memberi penerangan mengenai spesifikasi perdagangan diperlukan syari-kat dan autoriti luar negara dalam membolehkan usahawan bumiputera mengikuti perniagaan sportif produk ke sana."

"Dengan wujudnya kemudahan ini, dia-spora bumiputera boleh memiliki untuk ke-kal kerja dan menerima gaji lumayan di luar negara menerusi pusat ini atau menjadi perundungan carapada syarikat bumiputera secara separuh masa," katanya.

Bantu ubah nasib

Bagi Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia, Datuk Dr Azman Yusoff, beliau mempunyai pandangan kontra.

Jelasnya, dalam memastikan kontraktor bumiputera dapat bersaing dengan bangsa lain, golongan itu masih perlu bantuan dan kesungguhan politik daripada kerajaan untuk mengubah nasib mereka.

"Hakikat majoriti kontraktor bumiputera masih bergantung kepada projek kerajaan dan sukar bersaing merebut projek swasta adalah disebabkan rantaian pem-bekalan barang industri pembinaan masih dikawal oleh usahawan bukan bumiputera.

"Sebalik itu bagi kami, kuota bumiputera masih perlu dikenakan. Kerajaan juga wajar beri jaminan perbankan bagi setiap tender projek diluluskan demi mengelakkan aktiviti 'ali baba' projek berleluasa," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Dr Ma'amor Osman pula menegaskan KEB 2024 perlu menekankan keperluan mengkap semula sebarang polisi atau dasar ekonomi bumiputera lalu yang tidak mencapai sasaran ditetapkan.

Ujarnya, apabila punca kuasa kegalauan polisi lalu dikenal pasti, KEB 2024 perlu menggariskan satu resolusi bagaimana komuniti bumiputera mampu menyelesaikan permasalahan membengelu polisi berkenaan dengan kadar segera.

"DEB selalu diakui dengan pencapaian serampang dua mata bagi meningkatkan kejayaan ekonomi bumiputera kepada 30 peratus. Sekarang sasaran itu masih tidak capai, kena cari punca dengan segera bukan tunggu 20 tahun lagi."

"Kedua, Kerajaan Madani juga harus belajar daripada kesilapan kerajaan lalu. Mandat pengurusan agensi kerajaan yang memfokuskan pembangunan ekonomi bumiputera tidak boleh diserahkan kepada pegawai tidak kompeten. Ia akan jadi han-cur," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Ma'amor turut mcadangkan KEB 2024 mengenal pasti solusi bagaimana komuniti bumiputera boleh menguasai segmen rantaian pembekalan barang binaan.

Dengan 85 peratus daripada pembekalan barang industri pembinaan terdiri orang bukan bumiputera, beliau melihat keadaan itu satu perkara mendukacitakan.

"Apa salahnya kerajaan tubuhkan satu koperasi untuk menguasai rantaian pem-bekalan industri binaan di setiap Parlimen?

"Selain itu, agensi kerajaan yang mengendalikan pemasaran produk usahawan bumiputera di dalam dan luar negara tidak boleh sekadar melepaskan batuk di tangga."

"Menteri-menteri kena pantau dan ambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai yang bersikap *deep state* (daulah terpendam)," tegasnya.